

**PKR puji langkah Pemuda Umno dekati mahasiswa, bukti sokong bebas AUKU**  
**Malaysian Insider**  
**30 Ogos, 2012**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 30 Ogos — PKR hari ini memuji langkah Pemuda Umno yang ingin mendekati golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi dan menubuhkan kelab penyokong parti di kampus kerana mereka melihat ia merupakan langkah sayap pemuda dalam Umno itu untuk membebaskan mahasiswa daripada cengkaman Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

"Inisiatif sayap Pemuda Umno untuk mendekati para mahasiswa bagi mendapatkan sokongan politik adalah bukti sokongan mereka terhadap memperkasakan para mahasiswa dari cengkaman AUKU," kata Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar dalam satu kenyataan hari ini.

Nurul Izzah, yang juga merupakan Ahli Parlimen Lembah Pantai itu bagaimanapun turut berkata, "saya ingin menegur pengamalan dwistandard dalam pelaksanaan undang-undang yang lapuk ini kerana ternyata sayap Pemuda Umno menyetujui langkah proaktif PKR yang telah menubuhkan Mahasiswa Keadilan dengan lebih awal."

Nurul Izzah turut memuji langkah Universiti Malaya (UM) yang telah pun mula mengemaskini peraturan tatalaku para mahasiswa berkenaan penglibatan dalam arena politik.

"Saya memuji langkah pihak universiti yang telah maju ke hadapan dalam melaksanakan perubahan berdasarkan undang-undang walaupun ia lapuk dan mencatatkan proses transformasi yang diuar-uarkan selama ini.

"Sekurang-kurangnya UM tidak bermuka-muka dalam menegaskan pendirian anti-demokratiknya dalam penguatkuasaan AUKU, katanya dan menambah "AUKU mengandungi sekatan yang merugikan dan menafikan para mahasiswa sebuah pendidikan yang lebih holistik."

Ahli politik muda ini juga turut mempersoalkan sama ada pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak efisien kerana tidak memberikan kerjasama terhadap Pemuda Umno berkenaan perkara itu kerana terdapatnya kekangan daripada Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin berhubung cadangan yang diutarakan Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin itu.

"Sedang pihak universiti mempraktikkan pelaksanaan undang-undang yang lapuk ini, harus dipersoalkan, adakah kabinet perdana menteri masih efektif memandangkan keputusan oleh sayap pemuda untuk mengambil langkah mendekati para mahasiswa di IPTA walaupun tidak mendapat sebarang restu dari Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin selaku menteri pengajian tinggi?"

Sehubungan itu, Nurul Izzah menjemput Khaled dan timbalannya, Datuk Saifuddin Abdullah untuk bersama-sama mengambil langkah proaktif dalam kewujudan kaukus penggantian Auku dalam sidang Parlimen seterusnya untuk menangani isu ini.

Nurul Izzah turut menegaskan, PKR tetap berpegang kepada matlamat dan pendirian mereka bahawa AUKU penyekat kepada minda mahasiswa dan ia tidak lagi relevan.

"PKR tetap dengan pendiriannya bahawa tatakelakuan yang baru dikemaskini berdasarkan AUKU adalah tidak relevan dan menyekat semangat kebebasan akademik.

"PKR juga akan meneruskan perjuangan dengan memasuki kampus kerana tanggungjawab pemupukan minda yang terbuka, berdikari, dan mempunyai kesedaran sosial adalah penting dalam melahirkan mahasiswa yang akan menyelamatkan negara kita dari apa kemelut sekalipun."

Memetik laporan media sebelum ini, Khairy Jamaluddin berkata Pemuda Umno tetap akan meneruskan rancangan mereka untuk menubuhkan kelab penyokong parti di setiap kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi membolehkan mahasiswa memberi sokongan kepada Umno dan Barisan Nasional (BN).

Dipetik Sinar Harian Online, Khairy berkata, kelab penyokong itu tidak akan ditubuhkan di dalam kampus, tetapi hanya di luar atau kawasan berhampiran universiti.

"Saya faham dengan undang-undang AUKU yang melarang pelajar terlibat dengan politik dalam kampus.

"Saya yang mencadangkan pindaan tersebut dilakukan ... jadi tiada halangan untuk kami meneruskan perancangan ini," katanya.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan menteri pengajian tinggi mengenai pertubuhan politik tidak dibenarkan bergerak di dalam kampus kerana tertakluk kepada AUKU.

"Saya menghormati pendirian menteri dan peruntukan undang-undang sedia ada.

"Tetapi, ia tidak melarang mahasiswa mengikuti aktiviti di luar kampus untuk berbuat sedemikian," tambahnya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-puji-langkah-pemuda-umno-dekati-mahasiswa-bukti-sokong-bebas-auku/>